

# **Universiti Malaysia Sabah (Peraturan-peraturan Lalu Lintas di dalam Kampus) 2015**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Seksyen 4(1)(v) dan 38(5) Perlembagaan Universiti Malaysia Sabah (P.U.(A) 460/2010), Lembaga Pengarah Universiti Malaysia Sabah membuat peraturan yang berikut :

## **BAHAGIAN I – PERMULAAN**

### **1.1 Tajuk Ringkas, Pemakaian dan Permulaan Kuat Kuasa**

1.1.1 Peraturan ini dinamakan Peraturan Lalu lintas di dalam Kampus Universiti Malaysia Sabah 2015 dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah Universiti Malaysia Sabah.

1.1.2 Peraturan ini hendaklah terpakai kepada kakitangan dan pelajar Universiti Malaysia Sabah.

### **1.2 Pemansuhan**

1.2.1 Peraturan Universiti Malaysia Sabah (Peraturan-peraturan Lalu Lintas di dalam Kampus) 2000 adalah dimansuhkan.

### **1.3 Peruntukan Pengecualian dan Peralihan**

1.3.1 Apa-apa tindakan yang telah disempurnakan oleh Penguat kuasa di bawah peraturan yang telah dimansuhkan hendaklah, pada tarikh yang ditetapkan disifatkan telah dibuat dibawah peraturan ini dan terus berkuat kuasa dan mempunyai kesan.

### **1.4 Tafsiran**

1.4.1 Di dalam peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“arahan lalu lintas” ertinya apa-apa perintah, arahan atau petunjuk oleh Naib Canselor atau seseorang yang diberi kuasa oleh Naib Canselor kepada mana-mana orang yang menggunakan jalan atau kenderaan di dalam kampus;